

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	ASAS NOMBOR
KOD KURSUS	:	BBR 13003
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	(1) JAWAB <b>SEMUA</b> SOALAN DI DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.  (2) KERTAS SOALAN INI PERLU DISERAHKAN SEMULA SELEPAS SELESAI PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM BELAS ( 16 ) MUKA SURAT

**SULIT**

Bagi soalan S1 – S35, sila beri jawapan anda dalam bentuk sama ada A atau B iaitu;

- A. Benar.  
B. Salah.

- S1 Teknik pengajaran guru yang betul dapat membantu pelajar cemerlang dalam peperiksaan.
- S2 Ibu bapa harus dipanggil untuk menerangkan masalah yang sering dihadapi oleh anak mereka di dalam kelas.
- S3 Refleksi di akhir sesi pengajaran sangat penting untuk melaksanakan pengajaran yang akan datang.
- S4 Guru yang cemerlang adalah guru yang tidak mempunyai pelajar bermasalah dalam miskonsepsi.
- S5 Miskonsepsi pelajar merupakan satu petunjuk bahawa guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran.
- S6  $\frac{2}{7}$  merupakan cara penulisan *vinculum* atau palang pecahan.
- S7 Salingan ialah pecahan dengan pengangka dan penyebut diterbalikkan, contohnya  $\frac{2}{11}$  dan  $\frac{11}{2}$ .
- S8 Bagi  $10 = \frac{10}{1}$ , nombor 1 boleh dirujuk sebagai penyebut halimunan.
- S9 Ungkapan  $\frac{3}{10} \cdot \frac{5}{12}$  memberikan  $\frac{3}{10} < \frac{5}{12}$ .
- S10 Sekitar 4,000 tahun dahulu, orang Mesir purba membahagi pecahan menggunakan sepunya terbesar dengan pecahan unit.
- S11 Sistem angka perpuluhan Romawi mempunyai simbol 1, 10, 100, 1000, 5, 50 dan 500.
- S12 Sistem angka perpuluhan Brahmi mempunyai simbol 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 20, 30, 40, 50, 60, 70, 80, 90, 100 dan 1000.

- S13 Sistem angka perpuluhan Cina mempunyai simbol 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 14 simbol tambahan.
- S14 Sistem angka perpuluhan Hindu-Arab mempunyai simbol 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 (positif dan negatif), gabungan sebarang nombor 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan juga nombor perpuluhan.
- S15 Sistem asal angka perpuluhan Eropah mempunyai simbol yang berbeza dengan sistem perpuluhan Hindu-Arab.
- S16 Wang tidak mempunyai nilai benar tetapi digunakan sebagai pengukur nilai yang menjadi alternatif mudah kepada sistem barter.
- S17 Perkataan Bahasa Inggeris "*money*" mungkin berasal dari istilah bahasa Latin "*moneta*" yang bermaksud penghasilan emas.
- S18 Pemanipulasian kadar pertukaran wang boleh digunakan untuk mengawal penawaran wang.
- S19 Matlamat polisi kewangan ialah untuk memberi ruang kepada pembangunan negara dalam persekitaran yang selesa.
- S20 Di kebanyakan negara, isu berkenaan wang kertas persendirian adalah dikawal dengan ketat mengikut undang-undang negara masing-masing.
- S21 Di bawah sistem wang komoditi, objek seperti duit syiling emas tidak mempunyai nilai intrinsik.
- S22 Bahan pertukaran merupakan satu perantara yang digunakan dalam perdagangan bagi mengelakkan kesulitan dalam sistem tukar barang.
- S23 Wang fiat adalah wang zaman purba yang direka oleh pihak kerajaan dan tidak mementingkan nilai intrinsik.
- S24 Satu unit akaun adalah satu unit ukuran nombor piawai bagi nilai pasaran bagi barangan, perkhidmatan dan urusan lain.
- S25 Simpanan bank sebenarnya adalah suatu bentuk pinjaman.
- S26 Peningkatan sebanyak 300% bermakna jumlah akhir ialah 3 kali ganda asal.
- S27 Dalam bidang matematik, peratusan ialah cara menyatakan nombor sebagai satu pecahan 100.

- S28** Konsep menimbangkan nilai-nilai sebagai sebahagian daripada seratus asalnya daripada tamadun Cina .
- S29** Apabila bercakap mengenai "peningkatan 20%" atau "kejatuhan 20%" dalam kuantiti bermaksud bahawa nilai ini adalah relatif kepada nilai akhir kuantiti itu.
- S30** Walaupun peratusan selalunya digunakan untuk menyatakan nombor di antara 0 dan 1, apa-apa perkadaran tanpa matra boleh dinyatakan sebagai peratusan.
- S31** Setiap kali kita bercakap mengenai peratusan, ia adalah penting untuk menentukan apa yang relatif, iaitu apakah jumlah yang sepadan dengan 100%
- S32** 102% daripada RM500 ialah RM51000 .
- S33** Lembke dan Reys (1994) menyatakan bahawa salah satu cara untuk memahami konsep peratus ialah dengan menggunakan perwakilan bergambar.
- S34** Jika terdapat 300 kucing di Parit Raja yang mana 75% daripadanya adalah berwarna putih. Ini bermakna terdapat 225 ekor kucing di Parit Raja yang warnanya selain daripada putih.
- S35** Jika  $n\%$  daripada 65 ialah 13,  $n$  ialah 0.2.

Bagi soalan **S36 – S100**, sila beri jawapan anda dalam bentuk sama ada A, B, C atau D.

- S36** 7 140 000 buah kereta diagihkan sama banyak kepada 1000 pembekal. Berapakah bilangan kereta yang diperoleh setiap pembekal?
- A 704  
 B 714  
 C 7 140  
 D 71 400
- S37** Seorang pembekal buah-buahan mengeksport 250 875 biji nenas setiap bulan. Berapakah jumlah buah nenas yang dieksport oleh pembekal itu dalam setahun.
- A 2 508 750  
 B 3 050 235  
 C 3 010 500  
 D 3 100 500

- S38 Manakah antara berikut merupakan kaedah pengajaran yang kurang sesuai bagi pelajar sekolah rendah?
- A Kaedah lawatan
  - B Kaedah main peranan
  - C Kaedah permainan
  - D Kaedah berpusatkan pelajar
- S39 Di antara yang berikut merupakan kelemahan menggunakan komputer dalam persembahan slaid semasa pengajaran
- A menggunakan pembesar suara
  - B menggunakan program khusus
  - C menggunakan *wireless mouse*
  - D menggunakan slaid yang mudah dikendalikan
- S40 Berikut merupakan aktiviti yang boleh menilai pelajar memahami pengajaran, kecuali
- A Aktiviti soal jawab
  - B Aktiviti ujian dan kuiz
  - C Aktiviti menjalankan sesi temu ramah
  - D Aktiviti latih tubi, pemulihan dan pengayaan
- S41 Perkataan pecahan yang juga digunakan dalam ungkapan matematik ialah
- I pecahan lanjar
  - II pecahan algebra
  - III pecahan kaitan
  - IV pecahan kesamaan
- A I sahaja
  - B I dan II
  - C I, II dan III
  - D I, II, III dan IV
- S42 Manakah antara berikut merupakan strategi guru yang paling berkesan untuk menangani masalah miskonsepsi dalam pembelajaran?
- A Berikan latihan yang secukupnya
  - B Berikan penerangan yang lengkap dan mudah difahami
  - C Sediakan bahan pengajaran yang sesuai
  - D Sediakan bahan maujud yang sesuai dengan kemahiran pelajar

S43 Manakah antara berikut benar mengenai pecahan wajar?

- A nilai penyebut yang kurang dari satu
- B nilai pengangka sama dengan nilai penyebut
- C nilai mutlak pengangka melebihi nilai mutlak penyebut
- D nilai mutlak pengangka lebih kurang dari nilai mutlak penyebut

S44 Yang manakah merupakan pecahan tidak wajar?

- A  $\frac{2}{5}$
- B  $\frac{0}{3}$
- C  $\frac{13}{4}$
- D  $\frac{7}{-7}$

S45 Nombor bercampur ialah campuran antara

- A nombor bulat dan nombor kompleks
- B nombor nisbah dan nombor genap
- C nombor bulat dan pecahan wajar
- D nombor bulat dan pecahan tidak wajar

S46 Sistem angka perpuluhan menggunakan \_\_\_\_\_ sebagai nombor asas

- A 1
- B 10
- C 9
- D 100

S47 Sistem nombor perpuluhan yang digunakan sekarang banyak merujuk kepada penulisan

- A sistem nombor Romawi
- B sistem nombor Brahmi
- C sistem nombor Cina
- D sistem nombor Arab-Hindu

S48 Yang manakah antara berikut merupakan pecahan perpuluhan

- A  $\frac{10}{5}$
- B  $\frac{100}{3}$
- C  $\frac{3}{10}$
- D 0.005

S49 Negara selain Asia dan Eropah menggunakan \_\_\_\_\_ sebagai pemisah perpuluhan

- A titik
- B koma
- C tanda seruan
- D pembuka kata

S50 Merujuk kepada 0.0800, 2 digit 0 selepas 8 digunakan untuk menunjukkan

- A ketepatan yang diperlukan
- B nombor yang tidak penting
- C nombor yang penting
- D nombor yang boleh diabaikan

S51 Manakah antara berikut tidak setara dengan 5.5?

- A  $22/4$
- B  $22/3$
- C  $44/8$
- D  $33/6$

S52 0.05 ialah

- A  $5/10$
- B  $5/55$
- C  $5/100$
- D  $5/1000$

S53 Nyatakan 67.8847 dalam 3 titik perpuluhan

- A 67.8850
- B 67.8847
- C 67.884
- D 67.885

S54 Nyatakan 101.35 dalam 3 angka bererti

- A 101
- B 101.3
- C 101.4
- D 101.35

- S55** Yang manakah merupakan nombor perpuluhan berulang
- A 23.456457
  - B 23.454545
  - C 23.456789
  - D 23.452345
- S56** Sekiranya RM 100 dibahagikan kepada 9 orang pelajar secara sama rata, berapakah baki yang tinggal?
- A 2 sen
  - B tiada
  - C 1 sen
  - D 3 sen
- S57** Sejarah sistem nombor perpuluhan yang awal adalah merujuk kepada
- A bilangan pokok atau buah
  - B bilangan haiwan
  - C bilangan yang dicipta sendiri
  - D bilangan jari kaki atau tangan
- S58** Nombor yang manakah yang paling hampir dengan 50?
- A  $5000/99$
  - B  $5000/102$
  - C  $500/9$
  - D  $500/11$
- S59**  $\frac{0.33a+3.2b}{2+\sqrt{2}}$  bersamaan dengan
- A  $0.093 a + 0.933 b$
  - B  $0.097 a + 0.937 b$
  - C  $0.097 a + 0.933 b$
  - D  $0.093 a + 0.937 b$
- S60** Bilangan pelajar di universiti itu meningkat kepada 5610, berbanding tahun lalu 5100. Apakah peratus peningkatan pelajar?
- A 0.01%
  - B 0.1%
  - C 1.0%
  - D 10%



- S61 Penggunaan wang dalam masyarakat menggalakkan perkara yang berikut berlaku:
- I Perdagangan
  - II Peningkatan produktiviti
  - III Kekayaan
  - IV Hutang
- A I, II
  - B I, II, III
  - C I, II, IV
  - D I, II, III, IV
- S62 Dalam Bahasa Perancis, perkataan untuk wang adalah '*argent*' yang bermaksud
- A Emas
  - B Perak
  - C Tembaga
  - D Loyang
- S63 Wang fiat adalah
- A wang yang boleh digunakan sebagai medium pertukaran dan sebagai komoditi yang boleh didagangkan pada masa yang sama
  - B wang yang nilainya ditentukan oleh undang-undang dan bukan adanya barangan dan perkhidmatan
  - C merupakan tuntutan terhadap orang dari segi fizikal atau undang-undang dan boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan
  - D tidak dapat dibayar dengan segera apabila dituntut dan terdapat sedikit unsur risiko nilai bayaran akan tidak sama dengan nilai yang dipersetujui semasa belian
- S64 Wang juga berfungsi sebagai berikut kecuali
- A penyimpan nilai
  - B unit akaun
  - C unit rujukan
  - D piawai langsaian hutang
- S65 \_\_\_\_\_ adalah teori ekonomi yang kebanyakannya berkisar tentang penawaran dan keperluan untuk wang tunai.
- A Argent
  - B Reales
  - C Kruggerrand
  - D Monetarisme

- S66** Berikut adalah antara cara yang digunakan untuk mengawal penawaran wang:
- I Pembelian atau penjualan mata wang.
  - II Peningkatan atau penurunan perbelanjaan kerajaan
  - III Peningkatan atau penurunan peminjaman kerajaan
  - IV Pengawalan atau larangan mata wang persendirian
- A I, II
  - B I, II, III
  - C I, II, IV
  - D I, II, III, IV
- S67** Matlamat utama polisi kewangan ialah
- A mengurangkan berlakunya inflasi
  - B memastikan simpanan wang negara yang mencukupi
  - C untuk memberi ruang bagi pembangunan ekonomi
  - D memudahkan urusan pinjaman wang di bank-bank
- S68** Di Scotland dan Ireland Utara, bank-bank swasta telah diberi lesen oleh kerajaan untuk mencetak matawang kertas mereka sendiri. Matawang ini dipanggil sebagai \_\_\_\_\_ dan hanya boleh digunapakai sebagai matawang di kawasan di mana ia dikeluarkan.
- A Dolar Amerika
  - B Currency notes
  - C Peso
  - D Pieces of eight
- S69** Manakah yang berikut benar mengenai wang kredit?
- A Wang yang boleh digunakan sebagai medium pertukaran dan sebagai komoditi yang boleh didagangkan pada masa yang sama
  - B Wang yang nilainya ditentukan oleh undang-undang dan bukan adanya barangan dan perkhidmatan
  - C Merupakan tuntutan terhadap orang dari segi fizikal atau undang-undang dan boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan
  - D Dapat menyelesaikan beberapa masalah wang komoditi
- S70** Manakah pernyataan di bawah adalah **TIDAK BENAR** mengenai wang komoditi?
- A Emas dan perak merupakan antara bentuk yang terawal wang komoditi
  - B Memudahkan urusan niaga dalam ekonomi barter
  - C Berfungsi sebagai perantara pertukaran
  - D Tidak mementingkan nilai intrinsik



- S76** Kegagalan polisi kewangan akan mengakibatkan perkara yang berikut
- I hyperinflasi
  - II stagflasi
  - III pengangguran
  - IV penambahan barangan import
- A I, II
  - B I, II, III
  - C I, II, IV
  - D I, II, III, IV
- S77** Dalam sistem ekonomi moden, mata wang adalah komponen terkecil dalam
- A bahan pertukaran
  - B bekalan wang
  - C jenis wang
  - D wang kredit
- S78** Berikut adalah ciri-ciri yang perlu ada bagi wang sebagai satu penyimpan nilai kecuali
- A Tahan lama dan tahan lasak
  - B Mempunyai nilai yang stabil
  - C Sukar dipalsukan, dan ketulenannya juga sukar dikenalpasti
  - D Boleh disimpan dengan selamat dan boleh didapati kembali
- S79** Wang komoditi
- A ialah wang yang boleh digunakan sebagai medium pertukaran dan sebagai komoditi yang boleh didagangkan pada masa yang sama
  - B ialah wang yang nilainya ditentukan oleh undang-undang dan bukan adanya barangan dan perkhidmatan
  - C merupakan tuntutan terhadap orang dari segi fizikal atau undang-undang dan boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan
  - D tidak dapat dibayar dengan segera apabila dituntut dan terdapat sedikit unsur risiko nilai bayaran akan tidak sama dengan nilai yang dipersetujui semasa belian
- S80** Berikut adalah jenis wang kecuali
- A wang komoditi
  - B wang pos
  - C wang fiat
  - D wang kredit

- S81** Yang manakah pernyataan di bawah adalah benar?
- A Peningkatan sebanyak 200% bermakna jumlah akhir ialah 3 kali ganda asal
  - B Penurunan sebanyak 40% bermakna jumlah akhir adalah 40% daripada yang asal
  - C Jika item mulanya berharga RM2000 dan harga turun 20%, harga baru akan menjadi RM 2400
  - D Jika item mulanya berharga RM1000 dan harga naik 40%, harga baru akan menjadi RM 600
- S82** Yang manakah pernyataan di bawah adalah salah?
- A Lebih 2% daripada 40 ialah 40.8
  - B Lebih 20% daripada 40 ialah 48
  - C Kurang 2% daripada 40 ialah 39.2
  - D Kurang 20% daripada 40 ialah 8
- S83** Lembke dan Reys (1994) mengenalpasti lima komponen untuk kefahaman peratus. Antara yang berikut, yang manakah bukan antara lima komponen itu?
- A Keupayaan untuk mengaitkan pecahan, nombor integer dan peratus.
  - B Keupayaan untuk memohon tanda aras dan teknik penganggaran lain untuk peratus masalah.
  - C Keupayaan untuk melaksanakan pengiraan mental bersama-sama dengan peratus masalah.
  - D sensitiviti terhadap kemunasabahan jawapan
- S84** Apakah 115% daripada 99?
- A 14.85
  - B 113.85
  - C 1485
  - D 11385
- S85** Antara berikut, yang manakah tidak setara dengan 40%?
- A  $\frac{40}{100}$
  - B 0.40
  - C  $\frac{4}{100}$
  - D 0.04

- S86** Jika anda memiliki 1200 biji epal, anda memberi 25% daripadanya kepada murid-murid, berapakah biji epal yang tinggal?
- A 250  
B 300  
C 900  
D 950
- S87** 40% daripada semua pelajar universiti adalah lelaki. Terdapat 1500 pelajar lelaki. Berapa ramai pelajar di universiti itu?
- A 600  
B 900  
C 2100  
D 3750
- S88** Antara berikut, yang manakah menunjukkan maksud yang betul bagi “kadar faedah meningkat daripada 20% kepada 30%”, sebagai contoh, ia adalah khas untuk mengatakan, “kadar faedah meningkat sebanyak 5%” - bukannya sebanyak 50%, yang akan menjadi betul apabila diukur sebagai peratusan daripada kadar awal
- I Kadar faedah meningkat sebanyak 10%  
II Kadar faedah meningkat sebanyak 50%  
III Kadar faedah meningkat sebanyak 10% berbanding dengan kadar awal  
IV Kadar faedah meningkat sebanyak 50% berbanding dengan kadar awal
- A I dan III  
B II dan IV  
C II dan III  
D I dan IV
- S89** Antara berikut, yang manakah menunjukkan bacaan peratus yang benar?
- I 10% dibaca sebagai satu setiap sepuluh  
II 10% dibaca sebagai sepuluh setiap seratus  
III 10% dibaca sebagai seratus setiap seribu  
IV 10% dibaca sebagai seribu setiap seratus ribu
- A I sahaja  
B I dan II sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D I, II, III dan IV

**S90** Peningkatan sebanyak 600% bermakna jumlah akhir ialah \_\_\_\_ kali ganda asal.

- A 6
- B 7
- C 600
- A. 700

**S91** Antara berikut, yang manakah tidak boleh mewakili 45% daripada 300?

- A  $(45/100) \times 300$
- B  $(0.45) \times 300$
- C  $45\% \times 300$
- D  $45/300$

**S92** 0.025% ialah

- A 2.5
- B 0.25
- C 0.025
- D 0.00025

**S93** Peratusan digunakan untuk menyatakan

- A bagaimana kuantiti yang besar / kecil, berbanding kepada kuantiti lain
- B tulisan nombor dalam sistem asas-10 angka
- C sebahagian daripada keseluruhan atau sekumpulan benda
- D satu entiti abstrak yang mewakili hitungan atau ukuran

**S94** Pecahan 0.25/25 ialah

- A 0.01%
- B 0.1%
- C 1%
- D 10%

**S95** Antara berikut, yang manakah mempunyai nilai akhir yang paling besar?

- A Peningkatan 4 kali ganda pada 200
- B Peningkatan 2 kali ganda pada 400
- C Peningkatan 8 kali ganda pada 100
- D Peningkatan 1 kali ganda pada 800

- S96** Antara yang berikut, yang manakah benar?
- A Peningkatan sebanyak 100% dalam kuantiti yang bermakna bahawa jumlah akhir adalah 200% daripada jumlah awal
  - B Peningkatan sebanyak 10 % dalam kuantiti yang bermakna bahawa jumlah akhir adalah 10% daripada jumlah awal
  - C Peningkatan sebanyak 100% dalam kuantiti yang bermakna bahawa jumlah akhir adalah 1 kali ganda daripada jumlah awal
  - D Peningkatan sebanyak 10% dalam kuantiti yang bermakna bahawa jumlah akhir adalah 1 kali ganda daripada jumlah awal
- S97** 40% daripada 50% ialah
- A 2%
  - B 20%
  - C 120%
  - D 200%
- S98** Penurunan sebanyak 100% bermakna jumlah akhir ialah
- A -100
  - B 0
  - C 100
  - D 10000
- S99** Antara berikut, yang manakah mempunyai nilai akhir yang paling kecil?
- A Penurunan 20% pada 20
  - B Penurunan 2% pada 200
  - C Penurunan 0.2% pada 2000
  - D Penurunan 0.02% pada 20000
- S100** Peningkatan sebanyak \_\_\_\_\_ bermakna jumlah akhir ialah 4 kali ganda asal.
- A 300%
  - B 400%
  - C 500%
  - D 600%

-----SOALAN TAMAT-----